

Memahami Statistik Kebolehpasaran Graduan

Hawati Abdul Hamid



Kebolehpasaran graduan

Menteri Pengajian Tinggi baru-baru ini mengumumkan bahawa kadar kebolehpasaran graduan pada 2021 meningkat 1.1 mata peratus kepada 85.5%, berbanding 84.4% pada 2020¹. Kadar kebolehpasaran yang direkodkan bagi graduan TVET pula lebih tinggi berbanding bukan TVET, iaitu masing-masing pada kadar 88.0% dan 83.7%.

Jika disorot kebelakang, kadar kebolehpasaran graduan adalah lebih rendah pada tahun 2018 iaitu hanya 80.2%. Prestasi yang lebih tinggi bagi 2021 ini menggambarkan seolah-olah krisis Covid-19 tidak begitu memberi kesan yang signifikan terhadap kebolehpasaran graduan, kecuali sedikit penurunan (1.8%) pada tahun 2020 (Rajah 1).

Views adalah rencana yang diterbitkan bagi menggalakkan perbincangan dan pertukaran pandangan tentang isu-isu semasa. Ia adalah adalah pendapat penulis dan tidak semestinya mewakili pendirian rasmi KRI.

Rencana ini ditulis oleh Hawati Abdul Hamid, penyelidik di Khazanah Research Institute (KRI). Penulis berterima kasih di atas komen daripada Mohd Amirul Rafiq Abu Rahim.


E-mail penulis:
hawati.hamid@krinstitute.org

Atribusi – Sila rujuk karya ini seperti yang berikut: Hawati Abdul Hamid. 2022. Memahami Statistik Kebolehpasaran Graduan. Kuala Lumpur: Khazanah Research Institute. License: Creative Commons Attribution CC BY 3.0

Maklumat tentang kajian Khazanah Research Institute and penerbitan dalam bentuk digital boleh didapati di www.KRInstitute.org.

¹ The Star (2022)

Rajah 1: Kadar kebolehpasaran graduan, 2018-2021




Sumber: KPT (2018-2021)

Maklumat ini tidaklah bermakna statistik tersebut meragukan kerana pengiraan kadar kebolehpasaran graduan itu sendiri merangkumi tiga jenis status graduan iaitu:

- (1) graduan yang bekerja,
- (2) graduan yang melanjutkan pelajaran atau mengikuti latihan peningkatan kemahiran
- (3) graduan yang sedang menunggu penempatan pekerjaan.

Apabila jumlah bagi ketiga-tiga status ini dinisbahkan dengan jumlah keseluruhan graduan, maka terhasilah kadar kebolehpasaran. Jika data ini dianalisa lebih terperinci, sebenarnya kita akan mendapati hanya sekitar 60% graduan berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh lebih kurang satu tahun selepas tamat belajar. Bagi tahun 2022 contohnya, Rajah 2 menunjukkan bahawa kenaikan kadar kebolehpasaran disumbangkan bukan sahaja oleh peningkatan jumlah graduan bekerja yang naik sebanyak 2.2 mata peratus antara tahun 2020 and 2021, malah juga juga disumbang oleh kenaikan graduan yang melanjutkan pengajian (naik 1.0 mata peratus).

Rajah 2: Status graduan sebaik tamat belajar, 2018-2021



Sumber: KPT (2018-2021)

Baki daripada jumlah graduan yang dikategorikan sebagai “bolehpasar” merupakan jumlah graduan yang berstatus tidak bekerja. Pada 2021, kategori ini melibatkan sejumlah 41,513 orang graduan ataupun 14.5% daripada jumlah keseluruhan graduan. Dalam kalangan graduan tidak bekerja ini, 73.2% menyatakan mereka sedang mencari pekerjaan sementara antara sebab lain yang diberikan adalah kerana bercuti/melancang (7.5%), menunggu tawaran melanjutkan pengajian (6.8), tanggungjawab keluarga (4.3%) dan memilih untuk tidak bekerja (2.1%).


Pencapaian graduan di pasaran kerja

Kadar kebolehpasaran graduan sebenarnya sekadar menggambarkan keberhasilan usaha membangunkan modal insan (“*marketability*”). Namun statistik ini belum memadai dalam menilai prestasi graduan dalam pasaran pekerjaan. Dua aspek yang lebih penting untuk diperhalusi adalah keupayaan graduan mendapat pekerjaan (“*employability*”) dan menjana pendapatan (“*earning-ability*”).

Seperti yang dinyatakan di atas, walaupun kadar kebolehpasaran graduan pada 2021 berada pada tahap 85.5%, peratusan yang telah bekerja adalah lebih rendah, iaitu pada 61.6%. Statistik graduan bekerja ini pula melibatkan sebarang tahap kemahiran pekerjaan tanpa mengambilkira sama ada setara ataupun tidak dengan kelayakan graduan. Ini termasuklah pekerjaan di sektor tidak formal dan gig, kerja separuh masa, mahupun kerja makan gaji tetapi di tahap kemahiran yang lebih rendah.

Rajah 3 menunjukkan, antara 2018 – 2021 sekitar 40% daripada graduan bekerja dalam pekerjaan yang tidak memerlukan kelayakan tertiar (“*non-graduate jobs*”). Covid-19 memburukkan lagi keadaan apabila kadar ketidaksepadanan ini meningkat kepada 37.2% pada 2021 berbanding 33.4% pada 2019 (sebelum Covid-19). Lebih teruk ialah pada 2018 apabila hampir separuh graduan mengalami situasi ketidaksepadan ini.


Rajah 3: Ketidaksepadanan pendidikan dan pekerjaan graduan, 2018-2021



Sumber: KPT (2018-2021)

Hakikatnya, statistik yang lebih bermakna sebagai petunjuk kejayaan dasar pendidikan negara serta prestasi institusi pengajian tinggi dalam menghasilkan graduan yang berdaya saing adalah tahap pendapatan graduan. Malangnya, seperti yang telah banyak diperincangkan, pendapatan graduan yang memasuki alam pekerjaan sebaik tamat belajar adalah menyedihkan. Hampir 2 daripada 3 graduan bekerja hanya memperolehi pendapatan RM2,000 dan ke bawah pada tahun 2021 (Rajah 4). Graduan yang mendapat pendapatan yang lebih tinggi biasanya melibatkan mereka yang mempunyai kelayakan yang lebih tinggi seperti PhD dan sarjana.

Rajah 4: Peratus graduan mengikut kumpulan pendapatan, 2021



Sumber: KPT (2018-2021)

Kesimpulan

Menangani masalah kesulitan graduan memasuki alam pekerjaan pastinya lebih rumit daripada apa yang terungkap dalam statistik kebolehpasaran graduan. Tambahan lagi, isu pengangguran graduan, ketidaksepadan pekerjaan dengan pendidikan serta tahap dan pertumbuhan gaji yang rendah banyak berkait dengan struktur ekonomi negara yang dikatakan masih terperangkap dalam model ekonomi bernilai rendah. Sementara itu, polemik antara majikan, institusi pengajian tinggi serta graduan sendiri berkaitan isu-isu seperti kualiti graduan dan graduan terlalu memilih kerja juga perlu diberi perhatian.

Namun, Kajian Pengesan Graduan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi setiap tahun sejak 2006 mengumpulkan pelbagai maklumat berharga seperti proses pencarian kerja, pengalaman semasa mengikuti pengajian di institusi pengajian serta pengetahuan yang diperolehi. Kajian yang lebih mendalam menggunakan data-data yang telah tersedia terkumpul tersebut boleh menjadi panduan dalam menangani masalah-masalah yang dihadapi graduan.

Rujukan

KPT. 2018-2021. "Kajian Pengesanan Graduan (bagi tahun 2018 sehingga 2021)". Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi.

The Star. 2022. "M'sian graduates' employability went up in 2021 despite pandemic, says Higher Education Minister." The Star Online, 2022.

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/03/31/m039sian-graduates039-employability-went-up-in-2021-despite-pandemic-says-higher-education-minister>